

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 April 2017

SOALAN

Datuk Norliza binti Abdul Rahim minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan dalam menghadapi senario 'ageing society' yang turut melanda kebanyakan negara ketika ini.

JAWAPAN

Warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh United Nations World Assembly on Ageing di Vienna, Austria (1982). Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, sesebuah negara ditakrifkan sebagai negara tua apabila penduduk warga emasnya mencapai 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas seramai 5.80 juta orang. Tuan Yang Dipertua, Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal dengan menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula dasar tersebut. Susulan daripada kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011 yang akan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020. Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas dalam pembangunan negara. Sebanyak enam (6) strategi dibentuk untuk mencapai objektif dasar tersebut, merangkumi tujuh (7) sektor iaitu kesihatan, sosial dan rekreasi, pendidikan dan kerohanian, perumahan dan persekitaran, ekonomi, pekerjaan serta penyelidikan dan pembangunan. Tuan Yang Dipertua, Bagi memantau pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan ini, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara telah ditubuhkan pada 22 Mei 1996. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sementara ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian/agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang mewakili golongan warga emas. KPWKM juga telah menubuhkan Pasukan Petugas Mengenai Isu dan Cabaran Penuaan bagi mengenal pasti isu dan cabaran penuaan yang merangkumi aspek penjagaan kesihatan, keselamatan sosial dan penuaan aktif/positif serta menetapkan keutamaan bidang yang akan ditangani bagi memastikan pelaksanaan inisiatif yang lebih fokus dan menjurus pada isu yang diketengahkan termasuk isu kebergantungan ekonomi warga emas. Tuan Yang Dipertua, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT) dan penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan. Bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjamin kesejahteraan warga emas, KPWKM juga telah berkolaborasi dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan seperti penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), program pengangkutan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Program Home Help Services. Selain itu, selaras dengan prinsip penuaan aktif dan produktif, pada tahun 2012 Kerajaan telah meningkatkan umur persaraan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Pertambahan 5 tahun ini akan membantu menjamin kestabilan ekonomi golongan warga emas apabila mencapai usia persaraan kelak melalui simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang lebih besar. Sumbangan dan peranan warga emas yang masih produktif telah dipertingkatkan melalui peluang pekerjaan terutama kepada warga emas yang berada dalam kategori miskin. Usaha ini dijangka dapat meningkatkan jaminan dari segi kewangan kepada warga emas dan juga dapat meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi negara ke arah negara berpendapatan tinggi. Penyelidikan juga merupakan elemen yang penting sebagai persediaan negara untuk menjadi negara tua. Sehubungan itu, Institut Gerontologi, Universiti Putra Malaysia yang merupakan satu-satunya institut penyelidikan yang memberi tumpuan kepada kajian penuaan dan warga emas sejak tahun 2002 telah dijenamakan semula sebagai Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia. Kajian terkini bertajuk "Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030" telah disiapkan pada 27 Januari 2017 bagi mengambil inventori kemudahan dan perkhidmatan warga emas serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam menepati keperluan warga emas semasa dan akan datang. Selain itu, kajian tersebut juga telah mengemukakan beberapa cadangan ke arah menepati keperluan tersebut menjelang tahun 2030. KPWKM yakin bahawa

Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan segala inisiatif yang dinyatakan di atas merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas bukan sahaja daripada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi malah ia turut merangkumi semua aspek berkaitan warga emas.

